


PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

31 OGOS 2016
RABU



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
SINAR HARIAN	ZIKA: SARINGAN KESIHATAN DI ENAM PINTU MASUK	2
SINAR HARIAN	KASMA DANIEL AJAK PELAJAR KE LITAR	3
HARIAN METRO	SEKADAR MEMBANTU JIRAN	4
HARIAN METRO	SEMAI SEMANGAT PATRIOTIK	5
HARIAN METRO	UJIAN SARINGAN 24 JAM	6
BERITA HARIAN	JOHOR PERTINGKAT OPERASI SARINGAN	7
THE STAR	WE ARE TOGETHER	8
NEW STRAITS TIMES	MAGLEV TRAINS SET TO REVOLUTIONISE JOHOR	9



SINAR HARIAN

SH 31/8/16

Zika: Saringan kesihatan di enam pintu masuk

JOHOR BAHRU – Operasi saringan kesihatan di enam pintu utama memasuki negara sekitar bandaraya Johor Bahru akan diperketatkan bagi membantu mengatasi penularan zika yang semakin meruncing baru-baru ini.

Enam pintu masuk itu, Kompleks Kastam, Imigresen & Kuarantin (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks CIQ Sultan Abu Bakar, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang, Terminal Feri Stulang Laut dan Terminal Feri Puteri Harbour.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, kerajaan negeri serius mengenai isu berkenaan selain mahu mengelakkan angka sifar bagi penyakit berbahaya tersebut.

Menurutnya, operasi yang berlanjutan selama 24 jam setiap hari itu bertujuan untuk melakukan saringan bagi mengesan pelawat dari Singapura yang mempunyai simptom awal penyakit tersebut menggunakan alat pengimbas suhu.

"Setiap pintu masuk akan



Ayub (tengah) melihat semburan nyamuk dalam kendaraan.


dikawal dan diperiksa oleh petugas yang terdiri daripada tiga syif bagi tempoh 24 jam yang setiap syif akan diselia oleh enam orang petugas," katanya pada sidang media di CIQ Bangunan Sultan Iskandar, di sini, semalam.

"Operasi pemeriksaan ini juga akan dijalankan menerusi tiga syif bagi tempoh 24 jam yang setiap syif akan diselia oleh enam orang petugas," katanya pada sidang media di CIQ Bangunan Sultan Iskandar, di sini, semalam.

Ayub berkata, usaha berkenaan juga dijalankan ber-

ikutkan jumlah kehadiran pengunjung dan rakyat dari negara jiran iaitu Singapura yang begitu besar hampir setiap hari.

"Setakat tahun lepas sahaja, sebanyak 541,000 daripada 71 juta pengunjung telah dilakukan saringan kesihatan bagi mencegah penularan wabak ini di mana mereka yang mempunyai suhu badan melebihi 37 darjah Celsius," katanya.



SINAR HARIAN

SH 31/8/16

Kasma Daniel ajak pelajar ke litar



Kasma Daniel (duduk depan dua kiri) bergambar kenangan bersama peserta Program Petronas Streetsmart di SMK Pasir Gudang, semalam.

PASIR GUDANG – Bakat muda Kejuaraan Motosikal Asia FIM (ARRC) negara, Kasma Daniel Kasmayudin mengajak pelajar yang berminat dengan dunia perlumbaan untuk ke mana-mana litar lumba berhampiran.

Anak kelahiran Skudai Johor berusia 16 tahun itu turut menitipkan sedikit nasihat agar pelajar atau mana-mana anak muda yang meminati bidang permotoran menjauhi aktiviti lumba haram yang disifatkan sia-sia.

Menurutnya, banyak kemudahan disediakan kerajaan untuk memenuhi permintaan anak muda yang meminati sukan mencabar tanpa perlu menggadai nyawa di jalan raya sehingga digelar sebagai mat rempit.

"Lumba haram tak ada faedah kerana ia bakal menyusahkan diri sendiri dan keluarga kalau menjadi korban di jalan raya."

"Kalau betul-betul minat nak lumba, carilah mana-mana litar macam di Johor Bahru ada di Pasir Gudang kerana lebih sihat dan selamat."


"Jangan korbankan diri sendiri untuk aktiviti tidak berafaedah, sebaliknya manfaatkan usia remaja agar tidak menyosal di hari tua

nanti," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Program Petronas Streetsmart di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pasir Gudang, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad, Mohd Ibrahimuddin Mohd Yunus berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang diadakan sejak 2013 melalui kerjasama dengan Petrosains itu bertujuan untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan keselamatan jalan raya dalam kalangan pelajar.

Menurutnya, seramai 300 pelajar dari SMK Taman Rinting 2, SMK Dato' Penggawa Timur dan SMK Pasir Gudang terpilih pada kali ini sempena dengan Kejuaraan Petronas Cub Prix di negeri ini yang bakal berlangsung pada akhir minggu ini.

"Kita bawakan bersama pelumba Pasukan Petronas Yamaha-CKJ Kasma Daniel, Ahmad Afif Amran, Fitri Ashraff Razali dan Ahmad Syukran Aizat Mohd Yusoff dengan harapan peserta muda ini boleh menjadi model contoh," katanya.



HARIAN METRO

Pasir Gudang: Pasangan suami isteri warga Amerika Syarikat (AS) tidak menyangka tindakan mengutip sampah di sekitar kawasan perumahan mereka mendapat tumpuan orang ramai apabila diviralkan di laman sosial.

Michael Joseph, 63, ketika ditemui Harian Metro di rumahnya di Taman Bukit Dahlia, di sini, berkata, langkah mengutip sampah itu dilakukan bersama isterinya, Tammy Sue, 58, sejak tiga hingga empat bulan lalu selepas berpindah ke negeri berkenaan, Disember 2014.

Michael berkata, selepas berpindah ke Kawasan perumahan itu, dia dan isterinya selalu memikirkan cara terbaik untuk berkhidmat kepada jiran tetangga hingga terpanggil untuk melakukan khidmat mengutip sampah itu secara sukarela.

"Biar pun kami orang mendarat yang mempunyai perbezaan agama dan fahaman di kawasan per-

Sekadar membantu jiran

HM 31/8/16

Aktiviti harian pasangan Mat Saleh Tamam Dahlia, Pasir Gudang. Dikatakan setiap pagi pasangan tersebut mengutip sampah yg dibuang oleh org kita. mana tanggungjawap kita sendiri..



GAMBAR viral pasangan warga asing mengutip sampah sekitar kawasan perumahannya.

mahan ini, sudah menjadi prinsip hidup kami supaya sentiasa berbuat baik dengan orang lain,

"Ini hanya sumbangan kecil kami kepada jiran yang mana kami ingin membantu



MICHAEL

lebih besar sama ada di tong sampah rumah kami atau di kawasan yang mempunyai longgokan sampah yang banyak," kata bekas wartawan di Texas, AS, itu.

Katanya, sejak berpindah di kawasan itu, setiap pagi dia dan isterinya menghabiskan masa bersiar-siar di taman serta melakukan senaman dengan berjalan di seluruh kawasan perumahan menyebabkan pada satu hari mereka terdetik untuk mengutip sampah yang terdapat di kawasan sekitar sementara mereka mengambil angin.

Pasangan yang mempunyai tiga anak berusia 31 hingga 36 tahun itu berkata, mereka hanya mengambil masa 45 minit setiap hari Isnin dan Khamis bagi melakukan perkara berkenaan dan biasanya, hanya mengutip sampah dalam tiga beg plastik saja.



HARIAN METRO

Pasir Gudang: Menjadi tradisi Malaysia Hindu Sangam Masi mengagihkan ratusan Jalur Gemilang sempena Sambutan Hari Kebangsaan kepada murid di daerah ini setiap tahun.

Pengerusinya, K Vijayan berkata, pihaknya mengagihkan bendera Malaysia lima tahun berturut-turut ke beberapa sekolah di kawasan berkenaan demi memupuk semangat patriotik dalam kalangan murid dan pelajar.

Beliau berkata, secara tidak langsung, edaran berkenaan dapat mengingatkan kumpulan murid terhadap peristiwa dan sejarah negara.

"Apa yang penting jasa kita kepada negara, bukan mempertikaikan jasa negara kepada kita. Setiap penduduk seharusnya menyemat semangat cintakan negara dan ia permulakan bagi keharmonian dan kesejahteraan hidup.



Semai semangat patriotik

PELAJAR daripada beberapa sekolah di Masi mengibar Jalur Gemilang sempena Program Himpunan Anak Merdeka, semalam. HAN 31/8/16


"Sepanjang Ogos hingga Hari Malaysia, kami menggalakkan setiap penghuni rumah meng-

barkan Jalur Gemilang," katanya pada Program Himpunan Anak Merdeka di Padang Awam di

Masi, di sini semalam. Seramai 120 murid berkumpul melaungkan merde-

ka selain mengibarkan Jalur Gemilang. Sempena program berkena-

an, turut diadakan aktiviti su- kaneka yang menerima pe- nyertaan masyarakat setempat.



HARIAN METRO



AYUB menyembur aerosol dalam bas yang melalui KIK, BSI, semalam.

PENULARAN VIRUS ZIKA

Ujian saringan 24 jam

JKNJ, imigresen pertingkat pemeriksaan di enam pintu masuk negara

Izaily Nurul Ain Hussein
izaily@hmetro.com.my

Johor Bahru 31/8/16

Dalam usaha mengawal perburukan virus Zika di negeri ini, operasi ujian saringan kesihatan di enam pintu masuk ke Malaysia di sekitar daerah yang kini terus dipertingkatkan.

La termasuk menyediakan khidmat saringan kesihatan selama 24 jam oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) dan dibantu Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Datuk Ayub Rahmat

FAKTA
Enam kokitongan
JKNJ akan
bertugas dalam
setiap syif

berkata, saringan kesihatan itu sudah lama diperlakukan, namun terus dipertingkatkan terutamanya dalam masa virus Zika yang mula diperkatakan.

Dari segi pengawalan, virus Zika ini sama seperti dengan kerana ia berpunca daripada nyamuk yang sama iaitu aedes. Jadi, saringan kesihatan yang dibuat di pintu masuk antarabangsa yang kita lakukan selama ini akan terus dipertingkatkan.

Sekiranya seseorang itu didapati demam dan disyaki-

mempunyai gejala Zika, maka dia akan dirujuk ke hospital dengan segera. Oleh itu, di semua lokasi pintu masuk ini, pasukan perubatan yang ditempatkan oleh JKNJ akan menjalankan operasi selama 24 jam bagi membolehkan tindakan segera diambil," katanya ketika sidang media selepas mengadakan taklimat dan lawatan ke Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini, semalam.

Beliau berkata, seramai enam kakitangan JKNJ akan bertugas dalam satu-satu

syif dengan sehari terdapat sebanyak tiga syif dengan mereka akan ditempatkan di enam pintu masuk di Johor Bahru termasuk di KIK, BSI, Kompleks Sultan Abu Bakar, Gelang Patah, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang, Jeti Stulang Laut dan Puteri Harbour.

Beliau berkata, orang ramai diingatkan supaya tidak terlalu panik dalam menghadapi virus Zika, namun perlu sentiasa bertindak menghapuskan tempat pembiakan aedes.

"Orang ramai terlalu panik dengan virus Zika tetapi tidak bimbang pula dengan kes dengan. Sedangkan kedua-duanya berpunca dari pada aedes," katanya.



BERITA HARIAN

PENULARAN VIRUS ZIKA

Johor pertingkat operasi saringan

● Pasukan perubatan bertugas 3 syif, pengimbas haba beroperasi 24 jam

Oleh S Anand Kumar
anand@bh.com.my

► Johor Bahru BH 31/8/16

Kerajaan Johor mempertingkatkan operasi saringan di enam pintu masuk di daerah ini, termasuk pelabuhan dan jeti sebagai usaha berterusan mencegah penularan virus zika.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata pemantauan itu dilakukan menerusi alat pengimbas haba yang beroperasi 24 jam, selain menempatkan pasukan perubatan bertugas dalam tiga syif secara bergiliran.

"Kata saya, walaupun sehingga kini tiada jangkitan virus zika dilaporkan di negeri ini, pemantauan khususnya di pintu masuk adalah penting bagi mencegah sebarang penularan penyakit."

Jabatan Kesihatan Johor per-

tingkatkan operasi saringan di enam lokasi, iaitu Kompleks Kas-tam, Imigresen dan Quarantine (CIQ) Bangunan Sultan Iskandar, Kompleks CIQ Sultan Abu Bakar, Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Pelabuhan Pasir Gudang, Jeti Stuiling Laut dan Terminal Feri Puteri Harbour, Iskandar Puteri.

Titik berat pencegahan


"Sebagai contoh, mengikut statistik tahun lalu, seramai 71 juta orang direkodkan memasuki negeri ini melalui Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar dan daripada jumlah itu, saringan dibuat ke atas 541,989 orang," katanya selepas melawat Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, semalam.

Ayub berkata, pelawat atau rakyat negara ini yang datang dari Singapura mengira kedua-dua kompleks CIQ berkenaan, sama ada menggunakan kenderaan perendirian atau pengangkutan awam turut diingatkan supaya tetias, meningkatkan langkah pencegahan.

"Bagi pengguna kenderaan, kita menggalakkan mereka menggunakan semburan racun serangan khususnya bagi membunuh nyamuk, bukan sahaja bagi membendung penularan virus zika, malah mencegah wabak denggi," kata-



Pemandu bas, Noor Hairul Hisham Jamaluddin menyembur racun serangga di dalam bas sambil diperhatikan Ayub (tengah) di ruang ketibaan bas dari Singapura ketika melawat ke Kompleks CIQ Bangunan Sultan Iskandar, Johor Bahru, semalam.




THE STAR



We are together STAR 31/8/16

Some of the participants who took part in the Anak-Anak Malaysia Walk 2016 at Eco Tropics show gallery in Kota Masai, Pasir Gudang, Johor. The #AnakAnakMalaysia campaign is a collaboration between Eco World Development Group Bhd and Star Media Group. — ABDUL RAHMAN EMBONG/The Star



NEW STRAITS TIMES

WEDNESDAY, AUGUST 31, 2016

NEW STRAITS TIMES 33

PRIME NEWS

Maglev trains set to revolutionise Johor

GROWTH: Good infrastructure will bring in investments, says association head

CHUAH BEE KIM
AND AHMAD FAIRUZ OTHMAN
JOHOR BARU
news.nst.com.my

THE proposed plan for a Maglev (magnetic levitation) train service here, as revealed by Sultan of Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, will spur a new economic playing field for Johor and create a big leap for Johor Baru in terms of transport infrastructure.

A Chinese company is conducting a study on the project's feasibility.

The project will be developed under a private finance initiative, and

is expected to cover a rail network that spans from the eastern to western suburbs of Iskandar Malaysia in south Johor.

If approved, the project will make Malaysia among a handful of countries that have Maglev trains.

Johor Indian Business Association president S.P. Sivakumar said global economic giants, such as China, were setting their sights on Johor to invest in large-scale projects.

He said the state owed this to Sultan Ibrahim, a visionary ruler in tune with the future of the global economic shift.

"Good infrastructure will attract



The proposed magnetic elevation train travels along a guideway that uses magnets to create lift and propulsion.

huge investments to the state, and the Maglev trains will be a step in the right direction.

The trains will spur a new economic playing field for Johor, allowing China to prioritise Johor when deciding on expanding its manufacturing companies here.

"Johor's economy is expected to grow faster than other states. The state will be an economic powerhouse, and, with that, more people will be coming to live and work in Johor," said Sivakumar, who is also Malaysian Indian Commerce Association president.

In an exclusive interview with the *New Straits Times* published yesterday, Sultan Ibrahim said a company was studying the possibility of

setting up the Maglev project in Johor.

The ruler said the project would link Pasir Gudang, Kempas, Iskandar Puteri and others areas, and the company would also look at the Maglev entering Singapore, in view of the massive traffic jam at the Causeway every day.

A Maglev vehicle travels along a guideway that uses magnets to create lift and propulsion.

Among the well-known services of this kind is the Shanghai Maglev Train, known as Transrapid, which connects Pudong International Airport and the outskirts of central Pudong in Shanghai, China, along a 30.5km track.

Seri Alam Properties Sdn Bhd se-

nior general manager (township division) Frankie Tan Kiat said Maglev trains caused less pollution and moved faster than existing train systems in the Klang Valley.

"If the system is built here, it will create a big leap for the city, as such trains are only available in China, Korea and Japan."

"A Maglev project in Johor means the state will have a transport system that is better than some major cities in Europe that still rely on trams and commuter trains."

Tan said the projected growth in the population of southern Johor required an efficient and green transport system that would provide transportation between the different areas in greater Johor Baru.

